

# KLIA nombor satu dunia

## Menang anugerah pengurusan terbaik kalahkan 66 lapangan terbang

Oleh Shamshul Azree Samshir

**S**EPANG: Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dijangka terus mengungguli kedudukan pengurusan lapangan terbang bermutu dunia tahun ini berdasarkan maklumat dan persepsi umum mengenai kemudahan canggih itu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy berkata, KLIA dijangka terus menjadi pilihan dengan pelbagai produk yang dibangunkan untuk meningkatkan perkhidmatannya.

"Saya diberitahu, KLIA pada tahun ini terus menerajui ranking awal mutu pengurusan lapangan terbang dunia. Ia adalah perakuan bahawa sistem mutu menjadi teras dalam sistem lapangan terbang berkenaan," katanya ketika majlis makan malam Anugerah KLIA 2005 di sini, malam kelmarin.

Turut hadir Pengerusi Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Tan Sri Dr Aris Othman dan Pengerah Urusan MAHB, Datuk Seri Bashir Ahmad. Mac lalu, KLIA terpilih sebagai Lapangan Terbang Terbaik Asia/Pasifik dan yang ketiga terbaik di dunia.

Kajian oleh AETRA 2005 itu juga memilih KLIA sebagai lapangan terbang terbaik bagi kategori 15 hingga

25 juta penumpang setahun.

Penanda aras kajian meliputi keseluruhan pengalaman pengembara di lapangan terbang domestik dan antarabangsa yang mengambil bahagian dan meliputi 28 perkara berkaitan perkhidmatan.

Ia meliputi 66 lapangan terbang di seluruh dunia, termasuk Heathrow, Amsterdam, Minneapolis, San Francisco, Hong Kong, Singapura dan Dubai.

Dalam kajian AETRA 2004, KLIA mendapat tempat kedua bagi kategori 15 hingga 25 juta penumpang setahun.

Chan berkata, KLIA menghadapi cabaran untuk terus mengungguli ranking pengurusan lapangan terbang dunia kerana saingan sengit.

Sementara itu, pada majlis Anugerah KLIA 2005, Penerbangan Malaysia (MAS) diumumkan syarikat penerbangan terbaik berdasarkan jumlah pergerakan penumpang tahun lalu merangkumi perkhidmatan domestik dan antarabangsa.

Syarikat penerbangan tambang murah, AirAsia Berhad diumumkan syarikat penerbangan tambang murah terbaik, manakala Malaysia Airports Niaga Sdn Bhd yang mengendalikan rangkaian kedai Eraman Malaysia, memenangi kategori kedai jualan barangan terbaik.

BP-3/11/2006